



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT : 41
JABATAN	:	UMUM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Pembangunan Tasik Kenyir

Setuju siapkan projek bertanggung

Kerajaan negeri beri tempoh sebulan kepada UPPEN kemuka perancangan

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

Kuala Berang: Kerajaan negeri akan meneruskan semula 15 projek pembangunan yang dirangka di Tasik Kenyir termasuk pusat bebas pulau Bayas yang terbengkalai sejak dua tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata pihaknya akan mendapatkan pi-ihan dan cadangan daripada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGGAH), selain Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPPEN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membuat perancangan sebulan ke hadapan dibuat majlis mesyuarat kerajaan negeri.

"Saya beri tempoh sebulan kepada UPPEN untuk mengemukakan perancangan sebelum ahli mesyuarat kerajaan negeri membuat keputusan.

"Jika membatalkan komitmen tertentu daripada kerajaan negeri



Ahmad Samsuri (tengah) mengadakan lawatan kerja ke Tasik Kenyir, semalam.

[Foto Ghazali Kori/BH]

seperti kewangan, kita akan cari jalan kerana objektif kita untuk memastikan projek ini dapat diteruskan dan bukannya menjadi gajah putih," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja ke Tasik Kenyir, di sini, semalam.

BH sebelum ini melaporkan pembangunan projek pusat bebas pulau di Pulau Bayas di Tasik Kenyir yang dibangunkan sejak 2012 dengan kos RM118 juta, terhenti kira-kira dua tahun lalu walaupun 70 peratus pembangunan-

nya sudah siap. Projek dimulakan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) itu dijadualkan siap 2016. Ia membatalkan pembangunan terminal utama jeti penumpang,

jetis servis, kompleks beli belah Kenyir Trade Centre, laluan pendaratan bot, hentian rehat, stesen buggy dan wakaf.

Ahmad Samsuri berkata, sehingga kini, semua projek pembangunan di Tasik Kenyir secara keseluruhannya sudah lebih 50 peratus siap dan kos antara RM60 juta hingga RM70 juta masih diperlukan untuk menyiapkan projek terbabit.

Beliau berkata, perkara itu tidak menjadi halangan kerana tumpuan kerajaan negeri untuk menyiapkan projek dan memastikan ia boleh digunakan.

"Persoalannya bukan sahaja mengenai kos, tetapi keupayaan kontraktor yang menjalankan kerja perlu juga diambil kira. Per-kerja ini akan dilihat secara menyeluruh supaya kita dapat menyelesaikan masalah di Tasik Kenyir."

"Setakat ini projek pembangunan di Pulau Poh berjalan dengan baik dan dijangka siap Ogos depan, manakala projek Pulau Bayas dijangka siap dalam tempoh antara setahun setengah hingga dua tahun," katanya.

Beliau berkata, dengan siapnya semua projek pembangunan di Tasik Kenyir, diharapkan jumlah pengunjung ke lokasi itu akan meningkat sehingga sejuta orang setahun, berbanding kira-kira 700,000 ketika ini.